

12 AUG 1997

Mahathir-konvensyen

DR MAHATHIR BERUCAP DI SEMERAK 29 OGOS

KOTA BAHARU, 12 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan ke Semerak, Kelantan 29 Ogos ini untuk menutup Konvensyen Umno Kelantan, sekaligus memberi penghargaan kepada pengundi di situ yang memilih calon Barisan Nasional pada satu pilihan raya kecil semalam.

Pengerusi Barisan Nasional Kelantan Datuk Annuar Musa berkata Dr Mahathir akan berucap di hadapan 20,000 orang termasuk rakyat di Semerak sebagai balasan kepada sokongan mereka kepada calon BN Kamarudin Mohd Nor yang menewaskan calon PAS dan calon AKIM bagi kerusi Dewan Undangan Negeri Kelantan kawasan Semerak dengan majoriti 778 undi.

Annuar berkata Dr Mahathir akan diarak oleh 778 motosikal bagi melambang majoriti kejayaan BN itu dan 43 kereta Kancil yang melambangkan jumlah kerusi Dewan Undangan Negeri Kelantan.

Dr Mahathir juga akan menerima deklarasi hasil persetujuan anggota konvensyen berkenaan yang bertemakan "Agenda Masa Depan BN di Kelantan".

Mengenai kemenangan BN pada pilihan raya kecil itu, Annuar berharap anggota UMNO tidak leka dengan kejayaan itu sehingga melalaikan mereka untuk berusaha agar Kelantan dapat ditawan semula daripada PAS.

"Perdana Menteri (Dr Mahathir) mengarahkan supaya semua janji yang dibuat kepada rakyat Semerak sepanjang tempoh berkempen pilihan raya itu ditunaikan," katanya.

Agenda utama yang akan dilaksanakan ialah untuk menghapuskan kemiskinan dan meningkatkan kemudahan asas seperti jalan dan bekalan air yang masih tidak sempurna, katanya.

Untuk itu, sebuah jawatankuasa bertindak dipengerusikan oleh Kamarudin akan ditubuhkan manakala RISDA dilantik menjadi agensi utama dalam usaha membasmi kemiskinan. --BERNAMA

BD MAI